

Newspaper	Berita Harian
Date	13/5/2013

## Pemimpin UMNO tak boleh lagi teruskan 'orde lama'

BH - 13/5/2013

*Pengundi muda lebih terbuka, tak  
suka cara berpolitik lapuk, streataip*

**S**epanjang seminggu lalu, pelbagai analisis dan kesimpulan dibuat terhadap keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), yang menyaksikan Barisan Nasional (BN) terus memerintah negara serta mengekalkan penguasaan peringkat negeri kecuali Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan.

Seperti mana tempoh pasca PRU-12 yang menyaksikan pembangkang mempertikaikan keputusan pilihan raya umum kerana kegagalan menjatuhkan BN, sejak seminggu lalu dan mungkin beberapa bulan akan datang, mereka juga dijangka terus berbuat demikian sama ada menerusi media sosial atau perhimpunan dan perarakan jalanan yang boleh mencetuskan masalah kepada masyarakat sekeliling.

### Kikis keyakinan rakyat

Matlamat pembangkang amat jelas iaitu selain mahu mengikis keyakinan rakyat terhadap organisasi seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), mereka cuba mencestuskan rasa ketidak-tentuan yang berterusan di hati rakyat sepanjang lima tahun akan datang, khususnya golongan muda yang kali pertama mendapat hak mengundi.

Mereka mahu rakyat terus berpolitik dan kerajaan terpaksa memberi perhatian kepada pelbagai isu yang sengaja ditimbulkan supaya tumpuan kepada urusan dan tanggungjawab sebenar sebuah kerajaan diketepikan.

Dengan memastikan isu politik ini sentiasa berterusan, pembangkang dan pemimpinnya berharap rakyat tidak memberi perhatian kepada masalah peribadi pemimpin, isu dalaman parti dan janji kerajaan negeri yang dikuasai mereka.

Mereka lupa bahawa jika keputusan PRU-13 dianggap oleh sesetengah pihak mencerminkan kematangan rakyat di negara ini membuat pilihan, kematangan yang sama juga mungkin sekali lagi mengecewakan mereka pada PRU akan datang sekiranya lagu lama ini terus dimainkan sebagai kaedah memancing undi.

Di pihak BN pula, walaupun analisis awal menunjukkan mereka boleh me-

menangi PRU-13 dengan majoriti lebih besar jika pengundi Cina tidak beralih arah, realitinya ialah sebahagian besar pengundi Melayu terutama di bandar dan pengundi muda khususnya yang mudah dipengaruhi, turut mengundi pembangkang.

Kemenangan tipis di Terengganu di mana jumlah pengundi Cina amat kecil serta majoriti berkurangan oleh calon BN di kawasan majoriti Melayu membuktikan perkara ini perlu diberi perhatian lebih serius.

### Pengundi muda tak undi BN

Jelas, sebahagian besar ribuan pengundi luar terutama dari Lembah Klang, kebanyakannya pengundi muda, yang pulang ke Kelantan dan Terengganu minggu lalu, tidak mengundi BN.

Lima tahun lagi, kira-kira empat juta pengundi baru dijangka mengundi buat kali pertama.

Mereka ini bukan saja dibesarkan dalam dunia siber dan berfikiran terbuka, malah mungkin tidak ada kaitan emosional langsung dengan UMNO dan BN.

### Cari jalan dekati pengundi muda

Justeru, BN perlu mengkaji dan menganalisis dengan lebih mendalam pendekatannya, bukan saja untuk mengembalikan semula keyakinan dan kepercayaan pengundi sedia ada kepada parti itu, tetapi lebih penting lagi ialah memastikan sokongan pengundi muda ini terus bertambah serta kekal.

Sama ada suka atau tidak, BN terutama UMNO terpaksa melalui proses transformasi politik yang lebih komprehensif, malah radikal jika mahu terus relevan serta diterima seluruh masyarakat dalam tempoh lima tahun akan datang.

Selain membuka ruang lebih luas kepada generasi muda, kumpulan profesional dan golongan kelas menengah Melayu perlu ambil peluang untuk bergiat secara lebih aktif dalam UMNO serta BN, memikirkan serta mengkaji semula pendekatan untuk menarik sokongan kumpulan ini sepanjang lima tahun lalu.

Semua ini hanya boleh dicapai jika pemimpin 'orde lama' pada peringkat cawangan, bahagian, negeri dan Pusat sedia mengorbankan kedudukan mereka, untuk masa depan parti.



MANJA  
ISMAIL

manja@mediaprima.com.my